

Sisa industri jejas hasil 300 nelayan

» *Pencemaran
ancam habitat
laut pantai Kuala
Sungai Tiram
sejak 10 tahun*

Oleh **Noor Hidayah Tanziri**
bhnews@gmail.com.my

► **Sitiawan**

Lebih 300 nelayan pantai di Kuala Sungai Tiram dan Parit Haji Dollah di Lekir, dekat sini, mendakwa pencemaran laut berpunca daripada pembuangan sisa industri dan kolam ternakan udang menjejaskan pendapatan harian mereka.

Masalah berkenaan sudah berlarutan sejak lebih 10 tahun lalu dan kini ia semakin serius sehingga menjejaskan pendapatan nelayan yang kekurangan hasil tangkapan harian kesan pencemaran itu.

Nelayan dari Kampung Sungai Tiram, Mohd Fauzi Hamdan, 47, berkata kekurangan hasil laut menjejaskan pendapatan harian, malah lebih memburukkan keadaan apabila habitat laut lain turut terancam dan dikhuatiri bakal pupus.

Beliau berkata, jika sebelum ini pelbagai jenis ikan dan siput yang mendapat permintaan tinggi ba-



Abdul Halim Md Noor

nyak terdapat di Kuala Sungai Tiram, namun sekarang semakin sukar ditemui.

Kemusnahan pokok bakau

"Bukan hanya ikan dan udang berkurangan, malah ketam, kerang dan siput juga semakin sukar diperolehi di kawasan ini kerana habitat sudah dimusnahkan.

"Dulu di sini ada siakap dan udang galah tetapi sekarang ia sudah tiada, malah pelbagai jenis siput seperti gayam dan remis semakin sukar didapati dan tanah tapak siput menjadi hitam kesan air sisa buangan," katanya.

Katanya, sisa buangan yang dibuang tanpa tapisan menyebabkan air sungai menjadi putih seperti susu dan ia mengalir terus ke laut sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan.



Sebahagian bot nelayan di Kampung S berlarutan sejak 10 tahun lalu.

Abdul Halim Md Noor, 47, pula berkata banyak pokok kelapa penduduk mati akibat air sisa bahan buangan dari kawasan industri berhampiran yang memenuhi parit dan melimpah ke kawasan tanaman penduduk.

Beliau berkata, kesan pencemaran itu dapat dilihat apabila pukat mereka juga terlekat dengan sisa buangan seolah-olah seperti getah ketika menangkap ikan.

"Kemusnahan pokok bakau yang dijadikan kolam udang juga menyebabkan hakisan tanah, malah air dari kolam udang menyebabkan pelbagai hidupan laut mati dan pernah beberapa kali ikan yang kami perolehi berbau busuk.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pasir Panjang, Datuk Rashidi Ibrahim, berkata semua pihak, termasuk syarikat perlu menjaga kebersihan, alam sekitar supaya ekosistem terjamin.